

13 OCT 1999

Yayasan

YAYASAN FORMULA MALAYSIA DITUBUH AKHIR TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Satu Yayasan Formula Malaysia akan ditubuhkan akhir tahun ini bagi mengumpulkan warga korporat negara ini di dalam sebuah organisasi dan membiayai kegiatan meningkatkan imej negara.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif KUB Malaysia Berhad Datuk Hassan Harun berkata penubuhan yayasan itu juga bertujuan menyemarakkan semangat "Malaysia Boleh" dan memberi tumpuan kepada kecemerlangan penglibatan anak bangsa Malaysia.

"Kita sedang merangka perlembagaan bagi penubuhan yayasan itu. Pada masa ini ada lapan syarikat yang terbabit dalam kempen Formula Malaysia iaitu Edaran Otomobil Nasional Berhad, YTL Corporation Berhad, The SungeiWay Group, Southern Bank Berhad, Malaysia Resources Corporation Berhad, Sapura Holdings Sdn Bhd, Tenaga Nasional dan KUB," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Kempen Formula Malaysia peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi di Kementerian Pendidikan di sini hari ini.

Kempen Formula Malaysia peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi yang dibahagikan kepada tiga kategori -- sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi itu dilancarkan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Kempen Formula Malaysia dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya pada 15 Sept lepas dengan peraduan yang menawarkan hadiah wang tuani berjumlah RM2.4 juta.

Hassan berkata satu Tabung Malaysia Boleh akan diwujudkan bagi membiayai kegiatan yang dapat mengharumkan nama dan imej negara dan mengiktiraf kebolehan rakyat Malaysia dalam pelbagai bidang.

Katanya sumbangan sektor korporat bagi menjayakan kempen itu amat positif dan setakat ini ia sudah mencapai RM12 juta.

Ditanya bila yayasan itu akan ditubuhkan, Hassan berkata: "Kita berhasrat hendak lancar pada 31 Dis semasa penyampaian hadiah pemenang dan sesuai dengan kempen sempena menyambut alaf baru."

Hassan berkata sambutan orang ramai terhadap peraduan itu amat menggalakkan terutama dalam penulisan esei, cerpen, melukis dan fotografi.

Bagaimanapun, belum ada penyertaan diterima bagi peraduan merekacipta laman web. Tarikh tutup peraduan Formula Malaysia yang berlangsung selama tiga bulan itu ialah 15 Nov.

Mengenai peraduan Formula Malaysia di peringkat sekolah, Hassan berkata ia akan bermula pada 15 Okt hingga 15 Feb tahun depan dengan hadiah yang disediakan bernilai lebih RM560,000.

Setiap penyertaan atau hasil karya mestilah mempunyai elemen seperti melahirkan rasa bersyukur kerana kestabilan dan kesejahteraan negara, menyemarakkan semangat "Malaysia Boleh" dan mempertingkatkan penghargaan terhadap kejayaan negara.

-- BERNAMA

HS AKD